

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	28/10/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

180 gajah keluar hutan cari makan

Penerokaan hutan tak terkawal ancam habitat asal di Pahang

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Lebih 180 gajah di negeri ini dikesan aktif keluar dari kawasan hutan yang menjadi habitat semulajadinya untuk mencari makanan berikutan aktiviti penerokaan hutan bagi tujuan pembalakan, perladangan dan perlombongan.

Pengarah Jabatan Pertinduan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Pahang, Rozidan Md Yasin, mendedahkan kawasan habitat semulajadi hidupan liar, termasuk gajah berkenaan dikesan semakin mengecil hingga menyukarkannya mencari sumber makanan.

"Rekod PERHILITAN Pahang ki-

ni mendapati terdapat sekurang-kurangnya 180 gajah memabitkan beberapa kumpulan keluar dari habitat asal untuk mencari makan disebabkan aktiviti penerokaan hutan tidak terkawal di hampir setiap daerah di negeri ini.

"Konflik gajah dan manusia berlaku disebabkan perbuatan manusia sendiri yang terlalu ghairah meneroka hutan yang menjadi habitat semula jadi haiwan itu," katanya di sini, semalam.

Selain Hutan Simpan Kemasul di Temerloh, lokasi lain dikesan memiliki populasi gajah ialah Hutan Simpan Kita Gelanggi, Jerantut, Hutan Simpan Lesong, Rompin dan Hutan Simpan Ulu Jelai, Lipis, dengan setiap kawasan itu memiliki purata antara 25 hingga 35 gajah.

Rozidan turut menyangkal dakwaan pihak tertentu haiwan itu semakin berani memusnahkan tanaman kerana ladang atau kebun dibangunkan pada asalnya dalam kawasan habitat semula jadinya.

"Bila hutan yang menjadi habitat haiwan itu diteroka, ia terpaksa

beralih ke kawasan ladang dan kebun berhampiran untuk mendapatkan makanan," katanya.

Dalam kejadian minggu lalu, antara tujuh hingga 12 gajah didakwa memusnahkan 2,500 pokok nangka di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Muadzam Shah, Rompin, selepas kumpulan haiwan berkenaan keluar dari Hutan Simpan Ibam.

Sementara itu, Rozidan menjelaskan penerokaan hutan untuk perladangan, pembalakan dan perlombongan boleh dilakukan, namun perlu dikawal dan dirancang, selain tidak dilakukan secara meluas hingga memaksa gajah dan haiwan lain berhijrah.

"PERHILITAN boleh dirujuk sebelum pembukaan hutan dilakukan. Namun, apa yang berlaku, apabila berlaku kes memabutkan gajah, barulah mereka minta bantuan PERHILITAN."

"Bukan mudah menangkap gajah kerana perbelanjaan operasi, termasuk memindahkan haiwan itu boleh mencecah RM55,000 seekor," katanya.



Rozidan (kanan) meninjau keadaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Muadzam Shah, Rompin yang rosak akibat serangan gajah liar.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)